

SEGERA



KENYATAAN MEDIA

PENAMATAN KUTIPAN TOL JAJARAN KUALA LUMPUR – SEREMBAN EXPRESSWAY DAN SALAK EXPRESSWAY (YANG DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA JAJARAN LEBUHRAYA METRAMAC) BERAKHIR PADA 31 MEI 2018

KAJANG, Khamis :- Lembaga Lebuhraya Malaysia ingin memaklumkan bahawa bermula 12.01, 1 Jun 2018 tiada lagi bayaran tol dikutip bagi Jajaran Kuala Lumpur – Seremban Expressway dan Salak Expressway (yang dahulunya dikenali sebagai sebahagian daripada Jajaran Lebuhraya Metramac) di Plaza Tol Sungai Besi kendalian Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).

Ini bermakna, dengan penamatan tempoh Konsesi jajaran tersebut, bayaran tol di semua laluan keluar dan masuk di Plaza Tol Sungai Besi dikurangkan di antara 50 peratus hingga 1 peratus (atau di antara RM 0.40 hingga RM1.70) bergantung pada jarak perjalanan dan kelas kenderaan.

Penamatan ini sekali gus akan memberi manfaat kepada hampir 130,000 kenderaan yang menggunakan plaza tol berkenaan setiap hari. Pengguna yang melalui Plaza Tol Sungai Besi kini hanya perlu membayar tol mengikut jajaran Lebuhraya PLUS yang dilalui mereka sahaja.

Pengguna lebuhraya boleh mendapatkan kadar kutipan tol yang baharu menerusi laman web di www.plus.com.my atau aplikasi PLUS Mobile App.

Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi peraturan perjalanan dan papan tanda arah yang disediakan semasa melalui plaza tol bagi memastikan perjalanan lancar ke destinasi.

LLM mengucapkan terima kasih atas perhatian dan kerjasama pengguna lebuhraya.



Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

31 Mei 2018

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Korporat | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2515 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @infotrafikllm |

 aduan@llm.gov.my